

# 13 calon lulus

## jurulatih Lesen B AFC

UB 23.8.13 A14

Oleh **VITALIS G.BINGKASAN**

[vbingkasan@yahoo.com](mailto:vbingkasan@yahoo.com)

### KOTA KINABALU:

Seramai 13 jurulatih negeri ini lulus kursus Jurulatih Lesen B Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMDS) pada 7-27 Januari 2013.

Kursus tersebut adalah anjuran Pusat Sukan UMS dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ketika itu.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata jurulatih yang lulus tersebut adalah antara 23 yang menyertai kursus selama tiga minggu itu.

"Seramai 23 jurulatih menyertai kursus itu dan daripada jumlah itu, 13 calon lulus manakala tujuh calon lulus sebahagian (pro-pass) dan tiga lagi gagal.

"Calon yang lulus sebahagian perlu menghadiri kursus selama seminggu lagi untuk mendapatkan kelulusan penuh," kata Asyraaf ketika ditemui di sini kelmarin.

Calon yang lulus tersebut



**ASYRAAF**

terdiri dari Azman Soaibah, Rosmadih Wasli, Razeki Rashid, Jorry Jakiwa, Mohd Faizal Marjus, Mohd Ayyman Shah @ David Johnny (UMS), Kamaruddin Junit, Itnes Kalang (Pendidikan), Sueli Apin (Keningau), Billyton Vun Ket Ming, Roslan Wasli (Jabatan Penjara), Michael Wong Jime (Tabs) dan Muhamdin Abdul Ajid (Tentera Laut).

Calon yang lulus sebahagian pula terdiri dari Masran Bin Kuba (Politeknik), Slybester Bin Justin, Ardi Sida (UMS), Shaifuddin Abdul Wahid (Tawau), darus Abdul Wahab (Jabatan Laut), Tommy Amir dan Mohamad Jaafar (Pendidikan).